

## Bab 7

---

# **Persaudaraan Dan Toleransi Antara Muslim Dan Non Muslim Dalam Islam**

*Latifah Abdul Majid & Mohd Nasir Abdul Majid*

### **Pengenalan**

Persaudaraan merupakan kekuatan iman di jiwa yang membuatkan perasaan menjadi lembut, berkasih sayang, hormat menghormati dan saling percaya mempercayai bersama setiap orang yang berikat dalam tanggungjawab aqidah Islamiyyah, iman dan taqwa. Itulah kesedaran dan semangat persaudaraan yang sebenarnya dilahirkan dalam jiwa mukmin. Oleh yang demikian persaudaraan Islam merupakan sifat yang berkait rapat dengan iman dan taqwa. Manakala, persaudaraan sesama manusia tanpa mengira agama dan bangsa akan lahir apabila manusia mengetahui asal usul kejadian mereka. Perpecahan umat Islam kini wujud kerana tiada lagi ikatan ukhuwwah diantara mereka seperti yang telah berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. Cabaran yang dihadapi oleh umat Islam masa kini semakin besar dengan meluasnya kesesatan, kejahilan perpecahan, penjajahan pemikiran, pencemaran kebudayaan, keruntuhan akhlak dan sebagainya. Oleh yang demikian, gerakan untuk mengembalikan umat Islam kepada aqidah, syariat dan akhlak wajar dilaksanakan. Ia perlu diusahakan oleh pelbagai pihak sama ada secara individu atau secara kolektif.

### **Kepentingan Toleransi Dalam Masyarakat**

Hubungan etnik yang mantap sangat perlu dalam kalangan rakyat sesebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum yang terdiri dari kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India. Kaum-kaum ini juga terdiri daripada pelbagai agama, bahasa, budaya dan etnik yang tersendiri. Kaum Melayu terdiri daripada etnik Jawa. Bugis, Rawa, Banjar yang datang dari kepulauan Indonesia. Manakala kaum Cina terdiri daripada etnik Kwangsi, Hakka, Hokkien, Kantonis, Teochew dan Hainan. Bagi kaum India pula

mereka terdiri dari kasta Maruthuvar, Vanniyar Thevar, Nadar, Yadhavar dan Adhi Dravidar. Kesemua etnik ini mempunyai bahasa yang berbeza dan cara hidup yang berbeza. Kejayaan sesebuah negara akan dicapai dengan adanya kekuatan dan kestabilan negara yang dibentuk dari semangat toleransi dan kerjasama rakyat berbilang kaum yang menjadi asas kukuh kepada perpaduan negara.

Toleransi sebagai satu sikap pegangan kehidupan dalam masyarakat memberi erti tidak idealisme, tidak fanatik, tidak selfish - mementingkan diri sendiri; mempunyai sikap keterbukaan, realistik, muafakat, tolak ansur, sabar dan menghormati hak orang lain. Orang yang mengamalkan sikap toleransi berupaya menanggung sesuatu tekanan atau berupaya menerima kesusahan dan kritikan, boleh berkorban untuk orang lain dan bersikap terbuka dan lapang dada. Ciri-ciri tersebut adalah penting dihayati dalam masyarakat majmuk supaya keharmonian dapat dicapai. Keharmonian tidak dapat dicapai sepenuhnya tanpa sikap toleransi dan dengan buruk sangka. Bagi melahirkan keharmonian yang berterusan memerlukan ``kejinakan hati'' antara lapisan masyarakat. Perlu ada keserasian dalam kehidupan dengan menghindar ``buruk sangka dan kesangsian''.

Bagi mencapai sikap toleransi ini, setiap individu itu perlu memahami konsep kejadian diri dan fungsinya di dunia. Manusia adalah makhluk sosial dan Allah S.W.T. telah menciptakan alam dengan ketentuan yang paling indah dan lengkap serta Allah S.W.T. telah menentukan makhluk manusia menjadi penghuni dan pemerintah bumi. Ini dijelaskan dengan firmanNya di dalam surah al-Baqarah, ayat 30 yang bermaksud: Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi ...". Firman Allah S.W.T. yang selanjutnya di dalam surah al-Ahzab, ayat 53 yang bermaksud:

“Sesungguhnya kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khuatir akan mengkhianatinya dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh”.

Kesimpulan dari kedua-dua ayat tersebut menunjukkan bahawa manusia telah ditentukan dalam konteks hubungannya dengan Allah S.W.T. dan bumi, iaitu dilantik menjadi khalifah Allah S.W.T. Imam Fakhr al-Razi (1938) menyatakan bahawa ayat ini menunjukkan proses kejadian Adam a.s dan kemuliaanNya. Sesungguhnya Allah S.W.T. memuliakan anak Adam dengan menjadikan mereka sebagai khalifah di bumi (Muhammad

al-Mubarak 1973). Kemuliaan ke atas seluruh anak Adam di dalam ayat di atas ialah untuk memelihara maruah setiap manusia tanpa mengambil kira kedudukan, warna dan jawatannya. Manusia seluruhnya adalah sama di dalam penciptaan, semuanya terdiri dari lelaki dan perempuan. Perbezaan bahasa, warna atau darjat ialah semata-mata untuk berkenalan di antara satu sama lain. Natijah perkenalan itu ialah untuk memenuhi kepentingan yang melibatkan sesama manusia. Di sisi Allah S.W.T. orang kaya tidak berkedudukan lebih mulia dari orang miskin tetapi semulia-mulia makhluk di sisi Allah S.W.T. ialah yang paling bertaqwa (Abd Razak 1976).

Bermula dari fungsi manusia sebagai khalifah di bumi sudah pasti tugasnya merangkumi seluruh aspek sama ada dari segi hubungan manusia dengan Allah s.w.t. dan hubungan manusia dengan manusia seterusnya hubungan manusia dengan alam sekitar. Di dalam surah al-Sajadah, ayat 32 Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud: Yang membuat segala sesuatu yang Dia ciptakan sebaik-baiknya dari yang memulai penciptaan manusia dari tanah. Kemudian Dia menjadikan keturunannya dari saripati air yang hina (air mani). Kemudian Dia menyempurnakannya dan meniupkan ke dalam (tubuhnya) roh ciptaannya dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati (tetapi) kamu sedikit sekali bersyukur”.

Begitulah kekuasaan Allah S.W.T. yang menjadikan sesuatu kehendaknya dan meletakkan penyesuaian yang lengkap di antara manusia dan bumi dalam penciptaanNya dari segi fizikal. Hubungan manusia dengan manusia bermula dari hubungan manusia dengan Allah S.W.T. Setiap gerak kehidupan Islam selalu bermula kepada keyakinan kepada Allah S.W.T. melalui ibadat dan mu<sup>c</sup>amatat. Oleh itu, dalam mengatur hidup berlakulah ikatan ukhuwwah dan hidup bersosial yang menjadi naluri semulajadi manusia.

## **Bagaimana Bentuk Persaudaraan Dan Toleransi Muslim Dengan Non Muslim?**

Hubungan persaudaraan di antara orang Islam dengan bukan Islam adalah didasarkan pada asal usul kejadian manusia serta hak-hak kejiranan bukannya atas dasar nasab atau kaum kerabat. Allah S.W.T. menyeru umatnya agar memberikan kebaikan dan keadilan kepada rakyat Non Muslim. Kebaikan dan keadilan ini dijamin kepada mereka selama mereka tidak memerangi dan mengusir umat Islam di negara yang telah diduduki. Allah S.W.T. berfirman di dalam surah al-Mumtahanah, ayat 8 yang bermaksud:

“Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil”.

Oleh yang demikian, kita sebagai umat Islam disuruh berbuat baik kepada non-muslim yang tinggal di negara kita. Tiada sistem undang-undang yang lebih adil seperti sistem Islam yang memberikan keadilan kepada non-muslim di tanah air Islam (Sa<sup>c</sup>id Hawwa 1987).

### **Menghormati hak masing-masing**

Islam membenarkan perhubungan ini dengan syarat tidak menjejaskan kesucian Islam serta tidak membahayakan keutuhan masyarakat. Masyarakat Non Muslim yang tidak memerangi orang Islam sahaja yang boleh berhubungan dalam bentuk perekonomian, politik dan lain-lain hubungan yang diperlukan dalam konteks kerjasama dua hala.

Al-Qurtubi mengatakan bahawa Allah S.W.T. memberikan kelonggaran kepada umat Islam untuk menjalinkan hubungan dengan mereka yang tidak memusuhi Islam (al-Qurtubi 1967). Islam juga membenarkan masyarakat Islam menerima perdamaian atau perjanjian persahabatan dengan orang-orang kafir. Firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Anfal, ayat 61:

“Dan jika mereka condong kepada perdamaian maka condonglah kepadanya dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui”.

Kedadaan ini telah dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan orang musyrikin sewaktu peristiwa perdamaian Hudaibiyah (Shaminan, 1986). Baginda telah bersetuju mengadakan gencatan senjata selama sembilan tahun di antara mereka.

Walau bagaimanapun, umat Islam dilarang melantik pemimpin atau ketua mereka dari golongan non-muslim dalam urusan umat Islam. Banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menyuruh orang-orang kafir dan musyrik dari campurtangan dalam urusan masyarakat dan negara. Firman Allah S.W.T. di dalam surah Ali <sup>c</sup>Imran, ayat 28 yang bermaksud:

“Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi pemimpin (pemerintah) dengan meninggalkan orang-orang mukmin. Barangsiapa yang berbuat demikian, maka tiadalah ia (dapat) pertolongan Allah kecuali untuk mendapatkan

perlindungan mereka, Allah memperingatkan kamu daripada diriNya dan kepada Allah tempat kembali”.

Ketegasan ini adalah bertitik tolak daripada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan ke atas pemimpin iaitu mendaulatkan kalimah Allah S.W.T. Seandainya melantik orang kafir sebagai pemimpin sudah tentu mereka akan berusaha memusnahkan masyarakat Islam itu sendiri.

### **Perkahwinan**

Al-Qur'an juga mengharamkan perkahwinan di antara wanita mukmin dengan lelaki kafir musyrik atau sebaliknya. Namun, dibenarkan sekiranya menganut agama Islam. Allah S.W.T. berfirman di dalm surah al-Baqarah, ayat 221:

“Janganlah kamu mengahwini perempuan-perempuan musyrik sehingga mereka beriman. Sesungguhnya hamba perempuan mukmin lebih baik dari wanita musyrik walaupun dia menarik hatimu. Janganlah kamu mengahwini lelaki musyrik dengan wanita mukmin sebelum mereka beriman, sesungguhnya hamba mukmin itu lebih baik dari lelaki musyrik walaupun dia menarik hatimu”.

Umat Islam mempunyai keistimewaan dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah S.W.T. (Muhammad Sadiq <sup>c</sup>Arjun, 1984). Islam sentiasa menjadikan hubungan dengan non-muslim di atas asas-asas yang kemas dan padu. Ia merangkumi sifat toleransi, keadilan, amal kebajikan dan belas kasihan iaitu asas yang belum pernah ditemui oleh sejarah kemanusiaan sebelum kedatangan Islam (al-Qaradawi, 1981).

Ahli kitab adalah di antara orang non-muslim yang mendapat satu kedudukan khusus dalam bidang mu<sup>c</sup>amalat dan perundangan. Maksud ahli kitab ialah mereka beragama didasarkan kepada ‘Kitab Samawi’, (al-Qaradawi, 1981) iaitu Taurat dan Injil.

### **Berdebat Dengan Hikmah**

Al-Qur'an melarang diadakan perdebatan dengan mereka dalam urusan agama kecuali dengan cara yang baik hingga tidak menimbulkan perasan marah dalam hati. Firman Allah S.W.T. di dalam surah al-<sup>c</sup>Ankabut, ayat 46 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu berdebat dengan ahli kitab melainkan dengan cara yang paling baik”.

Mafhumnya dari ayat ini ialah Allah S.W.T. melarang orang-orang Islam dari berhujah atau berdebat dengan ahli-ahli kitab kecuali dengan cara baik. Ini kerana, sekiranya perdebatan itu menimbulkan kemarahan ia akan membawa perpecahan dan pertelagahan antara orang Islam dan ahli Kitab.

Islam mengharuskan makan penyembelihan dan berkahwin dengan ahli kitab secara terhormat. Firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Maidah, ayat 5 yang bermaksud:

“Makan (sembelihan) orang-orang yang diberikan kitab itu halal bagimu dan makanan kamu halal (pula) bagi mereka. (Dan dihalkan mengahwini) wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara wanita-wanita yang beriman dan wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberikan kitab sebelum kami”.

Telah diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengirim sejumlah bantuan kebendaan kepada penduduk kota Mekah sewaktu mereka ditimpa bencana untuk dibahagikan kepada orang-orang fakir mereka, walaupun baginda dan sahabat telah disiksa oleh mereka sebelum ini. Inilah sikap terpuji demi menjaga hubungan non-muslim.

Selain daripada ahli Kitab, ahli Zimmah juga termasuk sebagai golongan non-muslim yang diwajibkan bagi umat Islam menghormati dan berbuat baik terhadap mereka (Abd. Qadir <sup>c</sup>Audah, 1963). Berhubung dengan ahli Zimmah, mereka mempunyai hak tertentu yang perlu dinikmati dari negara Islam. Perlindungan dari kezaliman, harta benda dan kebebasan beragama adalah di antara hak mereka. Terdapat hadith yang memberi peringatan khusus supaya jangan menzalimi orang-orang non-muslim. Sabda Rasulullah s.a.w. (Abu Dawwud, Sunan Abu Dawwud, Kitab al-Imarah, hadith no 2654):

“Sesiapa yang menzalimi seorang kafir yang diberi janji perlindungan oleh negara Islam (*mu<sup>c</sup>ahad*) atau mengulangi haknya atau memaksanya melakukan sesuatu diluar kemampuannya atau mengambil sesuatu yang menjadi miliknya tanpa kerelaan hatinya, maka saya adalah penentangny di hari kiamat nanti”.

## Kebebasan Beragama

Non-muslim diberi kebebasan beragama. Oleh iu mereka tidak boleh dipaksa memeluk agama Islam. Dasar kepada pemberian kebebasan ini berasaskan firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Baqarah, ayat 256:

“Tiada paksaan untuk (memasuki) agama Islam, sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang salah”.

Sebagai timbal balik daripada hak-hak yang telah diberikan kepada non-muslim, mereka juga mempunyai tanggungjawab yang mesti dilaksanakan seiring dengan kenikmatan yang diperolehi itu. Kewajipan mereka adalah seperti berikut (al-Qaradawi, 1981):

1. Membayar fidyah, kharaj dan cukai perniagaan.
2. Patuh pada hukum Islam.
3. Menghormati upacara keagamaan orang Islam.

Demikian hubungan persaudaraan di antara orang-orang Islam dan non-muslim. Al-Qur'an dan hadith menjelaskan tentang kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh kedua belah pihak. Jika perhubungan yang baik itu wujud, penyatuan itu akan menjadi teguh di dalam sebuah negara yang bebas dan aman.

Kesimpulannya, perbincangan tentang gambaran persaudaraan dan kaitannya dengan ummah dimulai dengan tanggungjawab manusia sebagai khalifah. Ia diasaskan terlebih dahulu dengan aqidah atau keimanan manusia terhadapNya. Umat Islam kini berada dalam keadaan kegawatan bersama arus pemodenan. Perpecahan merupakan satu permasalahan serius yang harus diberikan perhatian. Ini adalah kerana perpecahan boleh melemahkan umat Islam dan memberi peluang kepada musuh-musuh Islam untuk melenyapkan Islam dimuka bumi. Jesteru itu, persaudaraan amatlah diperlukan dalam setiap peringkat kehidupan. Ia wujud bersama individu-individu, keluarga dan masyarakat.

Kepentingan silaturrahim dan menyayangi ahli keluarga, jiran tetangga, suami isteri, sahabat handai serta memelihara hubungan dengan non-muslim amat digalakkan oleh Islam. Perhubungan ini akan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, berkerjasama dan tolong menolong dalam melakukan perkara kebajikan serta menghapuskan kemungkar. Secara umumnya, jelas bahawa persaudaraan ini wujud dalam setiap peringkat kehidupan. Ia perlu direalisasikan demi membentuk integrasi ummah. Hidup bermasyarakat bukan sekadar untuk memenuhi keperluan hidup seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal,

tetapi yang lebih utama ialah oleh kerana manusia merupakan khalifah Allah S.W.T. di atas muka bumi, ia perlu kepada pendidikan, kebudayaan, politik, pentadbiran dan sebagainya. Umat Islam yang sempurna adalah umat yang dapat menyempurnakan segala bidang tersebut di atas. Ia perlu dilaksanakan dan diuruskan oleh masyarakat secara kolektif dan mustahil dapat ditunaikan secara individu.

### **Persaudaraan Sebagai Jiran**

Didapati pada hari ini, konsep kejiranan sudah semakin luntur. Pada hakikatnya jika luntur ikatan hidup berjiran, akan pudarlah juga ikatan ukhuwwah. Jesteru itu, realiti yang wujud di depan mata bahawa masalah kejiranan semakin hari semakin bertambah rumit, walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan. Aktiviti yang bercorak kemasyarakatan seperti projek rukun tetangga, kejiranan, perpaduan dan sebagainya masih belum menampakkan kejayaan yang sepenuhnya. Keberkesanan dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah terlalu sedikit jika dikaji keadaan yang wujud dalam masyarakat Malaysia khususnya. Dalam keadaan begini mereka telah lupa dan seterusnya meninggalkan hak-hak jiran jauh sekali menghormatinya.

Jiran yang baik adalah satu nikmat kerana seorang jiran apabila ia amanah dan benar ia akan menjaga jiran disekitarnya. Jiran yang baik seperti satu ikatan yang saling menjaga antara satu sama lain berkongsi ketika susah dan senang. Rasulullah s.a.w. ketika menggesa untuk memelihara kejiranan ini, baginda cuba membangkitkan keteguhan dan ketenangan dalam hati orang Islam, sehingga mereka berada di dalam suasana aman damai. Ini kerana umat Islam itu ibarat badan yang satu, bila terganggu sebahagiannya anggota lain juga turut terlibat. Sabda Rasulullah s.a.w. (Ibn Hajar al-<sup>C</sup>Asqalani t.th: 445):

“Siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat janganlah menyakiti tetangganya. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah s.w.t. dan kepada hari akhirat hendaklah memuliakan tetamunya. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah s.w.t. dan hari Akhirat hendaklah berkata baik dan diam”.

Rasulullah SAW memberi panduan lagi seperti diriwayatkan dalam Ibn Hajar al-<sup>C</sup>Asqalani t.th:443:

“Demi Allah tidak beriman, demi Allah tidak beriman, demi Allah tidak beriman, seseorang bertanya: Siapa Ya Rasulullah s.a.w.? Jawab baginda: “Orang yang bertetangga tidak aman dari bahayanya”.



Islam bukan sahaja mengajak manusia mengerjakan sembahyang, berpuasa, mengeluarkan zakat tetapi juga menyeru berbuat baik sesama insan. Islam sangat menjaga hubungan manusia tanpa mengira bangsa. Jesteru itu, dalam al-Qur'an dan hadis Nabi menyeru supaya berbuat baik dan memberikan hak yang sepatutnya kepada jiran tetangga. Banyak terdapat hadis Rasulullah s.a.w. yang membicarakan tentang kejiranan. Sabda Rasulullah s.a.w. (Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani t.th:443): “Wahai jamaah muslimat, ingatlah janganlah seorang jiran wanita itu menghina jiran wanitanya walaupun dengan menunjukkan tapak kaki kambing”.

Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Abu Zar (al-Darimi, Kitab al-At<sup>c</sup>imah, Bab 37, hadith no 1989):“Wahai Abu Zar, jika engkau masak sup perbanyakkanlah kuahnya lihatlah kepada setengah jiran kamu dan berikan sedikit kepadanya”.

Allah S.W.T. juga telah berfirman di dalam al-Nisa', ayat 36 dengan maksud:

“Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah s.w.t. dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim, orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki”.

Ayat ini memerintahkan supaya berlaku adil dan berakhlak mulia. Allah S.W.T. menggesa supaya menjaga jiran seperti Dia menggesa supaya berlaku ihsan terhadap anak-anak yatim dan buat baik kepada ibu bapa khususnya dan kaum kerabat amnya.

Ayat ini juga menerangkan pembahagian jiran tetangga. Jiran yang dekat mempunyai tiga ciri utama. Pertama: tempat, kedua: hubungan keluarga dan ketiga: hubungan darah. Jiran yang jauh mempunyai tiga ciri iaitu tempat tinggal yang jauh, tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dan berlainan agama (al-Qasimi t.th) Sabda Rasulullah s.a.w. (Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani, t.th):

“Jiran itu ada tiga macam iaitu yang mempunyai tiga hak; jiran yang mempunyai satu hak, jiran yang mempunyai dua hak dan jiran yang mempunyai tiga hak. Adapun jiran yang mempunyai tiga hak iaitu jiran muslim yang berkeluarga dengan kita, iaitu jiran yang mempunyai hak jiran, hak keluarga dan hak Islam. Jiran yang mempunyai dua hak ialah jiran yang mempunyai hak jiran dan hak

Islam, manakala jiran yang mempunyai satu hak sahaja ialah jiran musyrik”.

Jelaslah disini, pembahagian Rasulullah s.a.w. ini dapat difahami bahawa agama Islam memberi hak kepada jiran tetangga yang Non Muslim (Abu Zahrah, 1981) Oleh yang demikian, orang Islam hendaklah berbaik-baik, menghormati dan memberi bantuan terhadap jiran yang bukan Islam.

Setiap jiran merupakan saudara yang bertanggungjawab dalam melaksanakan konsep persaudaraan dan kasih sayang. Allah S.W.T. menyayangi mereka ini sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang dicatat oleh Ahmad bin Hambal, di dalam Musnadnya, hadith no 6278:

“Sebaik-baik teman di sisi Allah ialah yang baik terhadap temannya dan sebaik-baik jiran disisi Allah ialah yang baik terhadap jiran tetangganya”.

Berbuat baik kepada tetangga termasuklah satu hal yang sangat ditekankan atau dipentingkan oleh Islam. Rasulullah s.a.w. menerangkan bahawa baginda sendiri selalu mendapat pesan dari Malaikat Jibril supaya berbuat baik kepada tetangga. Pesanan yang demikian sering diberikan sehingga baginda menyangka tetangga itu akan dijadikan waris baginda. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud (Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab al-Adab, Bab 4, hadith no 3664):

“Malaikat Jibril berulang kali berwasiat (berpesan) kepadaku tentang urusan dengan tetangga hingga aku menyangka masalah tetangga itu akan menjadikan ahli waris”.

Hubungan yang erat terhadap jiran tetangga dianjurkan oleh Islam. Berhubung dengan hal ini Allah S.W.T. melarang hambanya menyakiti hati tetangga. FirmanNya di dalam surah al-Ahzab, ayat 58 yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang mukminin dan mukminat tanpa kesalahan mereka buat, maka sesungguhnya mereka telah menimbulkan pendustaan dan dosa yang nyata”.

Sabda Rasulullah s.a.w. (Ibn Hajar al-<sup>C</sup>Asqalani t.th):

“Siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat janganlah menyakiti tetangga”.

Kenyataan daripada Rasulullah s.a.w. ini menunjukkan bahawa keimanan seseorang kepada Allah S.W.T. dan hari akhirat hendaklah dilengkapi dengan amalan hidup memuliakan jiran tetangga. Rasulullah s.a.w. sangat

mengambil perhatian berat terhadap hubungan baik dengan jiran tetangga walaupun Non Muslim. Sesungguhnya ulama sependapat tidak salah memberi makanan kepada tetangga Yahudi dan Nasrani. Ini adalah untuk mengeratkan hubungan persaudaraan sejiran (Johari Alias, 1992). Demikianlah ayat-ayat al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.a.w. menjelaskan berhubung dengan hak-hak kejiwaan yang perlu dipelihara oleh setiap muslim. Hubungan yang erat akan mewujudkan sebuah masyarakat bersatu padu

## Kesimpulan

Di dalam menjalinkan hubungan dengan non-muslim taktik diplomasi perlu digunakan. Termetrinya Perlembagaan Madinah menunjukkan dasar umum yang diambil oleh Rasulullah s.a.w. terhadap non-muslim berasaskan perdamaian, persahabatan dan kerjasama. Perhubungan persaudaraan ini berdasarkan persamaan dalam semua aspek hidup diantara orang Islam dan bukan Islam. Konsep dan prinsip persaudaraan ini jika dilihat sepintas lalu begitu menarik sekali. Pada pandangan penulis, persaudaraan memerlukan keikhlasan, kejujuran dan kebersihan hati nurani setiap anggota masyarakat. Ciri-ciri ini tidak terdapat dalam masyarakat materialistik di Barat. Ciri itu juga gagal disemai oleh agama Kristian dan Yahudi. Kegagalan feudalisme, kapitalisme, sosialisme dan komunisme menyelesaikan masalah masyarakat manusia di dunia ini membuka jalan kepada Islam sebagai alternatif tunggal kearah penyelesaian masyarakat dunia hari ini.

Umat Islam perlu membuat persiapan dari sekarang. Persiapan yang dimaksudkan ialah umat Islam sendiri wajar menjadikan diri mereka contoh teladan yang terbaik agar dihormati dan disanjung tinggi oleh semua masyarakat. Jalan kearah terbentuknya umat Islam yang satu adalah bermula dengan terbentuknya kesatuan negara itu sendiri. Kesatuan ini mestilah dimulakan dengan kesatuan dan perpaduan rakyat. Perasaan persaudaraan hendaklah dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Sesungguhnya telah jelas kepada kita bahawa persaudaraan dalam al-Qur'an dan Sunnah adalah sesuai untuk setiap insan. Ia bersifat universal, unggul, syumul, menggambarkan persatuan, perdamaian dan keadilan bersesuaian dengan perbezaan kaum, bangsa, bahasa, kebudayaan dan agama. Tegasnya, keamanan negara dapat dipertingkatkan apabila amalan perpaduan kaum telah meresap ke dalam jiwa setiap rakyat Malaysia. Seperti yang kita ketahui, tanpa perpaduan kaum, keamanan tidak dapat diwujudkan kerana rakyat akan bergaduh sesama sendiri

sehingga menghancurkan keamanan sesebuah negara yang telah dibina itu. Pertelingkahan yang berlaku antara rakyat hanya akan menghasilkan suasana hidup yang porak-peranda. Oleh hal yang demikian, benarlah perpaduan kaum itu penting untuk meningkatkan keamanan negara.

Justeru, semua pihak harus berganding bahu dan tidak mengharapkan pihak kerajaan semata-mata dalam mewujudkan perpaduan kaum. Janganlah kita bersikap *evasive* mahupun ” bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing” kerana perpaduan kaum itu hanya akan wujud apabila semua kaum menjalankan obligasi masing-masing dengan sempurna dan bersikap bertolak ansur.

## Rujukan

Al-Qur'an al-Karim.

Abu Dawud Sulayman bin al-Ash<sup>c</sup>as Ishak al-Azdi Sajastani. 1969. *Sunan Abu Dawud*. T.tp: Syarikah al-Muttahidah li al-Tazi<sup>c</sup>.

Abu Zahrah, Muhammad. 1977. *Al-Wahdah Islamiyah*. Bayrut: Dar al-Fikr al-<sup>c</sup>Arabi.

Abu Zahrah, Muhammad. 1981. *Penyusunan masyarakat Islam*. Terj. Osman Khalid. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Jabatan Perdana Menteri.

Ahmad Ibn Hanbal. 1967. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Bayrut: Dar Sadir al-Maktabah Islami.

Al-Mubarak, Muhammad. 1973. *Nizam al-Islam*. Bayrut: Dar al-Fikr wa Nasr wa Tauzi<sup>c</sup>.

Al-Nasai, Ahmad Ibn Syu<sup>c</sup>ayb. 1965. *Sunan al-Nasai*. Misr: Syarikah Maktabah wa Taba<sup>c</sup>ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu.

al-Qaradawi, Yusuf, Dr. 1981. *Kedudukan Non-Muslim dalam negara Islam*. Terj. Mat Saad Abd Rahman, Prof Madya Dr. Shah Alam: Penerbitan Hisbi.

al-Qaradhawi, Yusuf. 1990. *Dimanakah kepincangan umat kini?*. Kuala Lumpur: HIZBI.

Al-Qasimi, Muhammad Jamaludin. T.th. *Tafsir al-Qasimi*. Qahirah: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Arabi.

Al-Qurtubi. 1967. *Al-Jami<sup>c</sup> li ahkam al-Qur'an*. Qahirah: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Arabi.

al-Syarbasi, Ahmad. 1977. *Yasalunaka fi al-Din wa al-Hayat*. Bayrut: Dar al-Jail.

Al-Syarif, Muhammad Ibrahim. T.th. *Makkah wa al-Madinah fi al-jahiliyyah wa <sup>c</sup>abd Rasul*. Bayrut: Dar al-Fikr al-<sup>c</sup>Arabi.

- Al-Tirmidhi, Abu <sup>°</sup>Isa Muhammad <sup>°</sup>Isa bin Surah. 1980. *Sunan al-Tirmidhi wa huwa al-Jami<sup>°</sup> al-Sahih*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- <sup>°</sup>Abd Qadir <sup>°</sup>Audah. 1963. *Al-Tasri<sup>°</sup> al-Janai' al-Islami*. Qahirah: Maktabah Dar al-<sup>°</sup>Urubah.
- <sup>°</sup>Abd Razak Naufal. 1974. *Muhammad Rasul Nabi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>°</sup>Arabi.
- <sup>°</sup>Abd Razak Naufal. 1976. *Peranan al-Qur'an dalam masyarakat moden*. Terj. Mohamad Labib. Singapura: Pustaka Nasional.
- Fakhr al-Razi. 1983. *Al-Tafsir al-Kabir*. Misr: al-Matba<sup>°</sup>ah al-Bahiyah bi Maidani Azhar
- Ibn Hajar, Ahmad bin <sup>°</sup>Ali bin Hajar al-<sup>°</sup>Aslaqani. T.th. *Fath al-Bari Sharh Sahih Bukhari*, Misr: Syarikah Maktabah wa Taba<sup>°</sup>ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa auladuhu.
- Johari Alias. 1992. *Menunaikan hak dan tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Sadiq <sup>°</sup>Arjun. 1984. *Al-ummah al-Islamiyah Kama Yaridu al-Qur'an*. T.tp: Dar Sa<sup>°</sup>udiyah.
- Muslim, Abi Husayn Muslim bin al-Hajjah al-Qusyairi al-Naisaburi. 1955. *Sahih Muslim*. Turki: Maktabah Islamiyah li al-Tiba<sup>°</sup>ah al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Sa<sup>°</sup>id Hawa. 1977. *Al-Islam*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Sa<sup>°</sup>id Hawwa. 1987. *10 langkah memantapkan perjuangan Islam*. Terj. Abu Ridha. Kuala Lumpur: Thinkers Library.
- Sayyid Qutb. 1971. *Fi Zilal al-Qur'an*. Bayrut: Ihya' al-Turath al-<sup>°</sup>Arabi
- Sayyid Qutb. 1983. *Haza al-Din*. Terj. Ismail Mohd Hassan. Terengganu: Yayasan Terengganu.
- Sayyid Sabiq. 1973. *<sup>°</sup>Anasir al-Quwwah fi al-Islam*. Bayrut: Dar al-kitab al-<sup>°</sup>Arabi.
- Shahminan Zarini. 1986. *Resap hidup makmur menurut al-Qur'an*. Jakarta: Kalam Mulia.